

Kertas Bil. 13/2017



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 27 MAC - 31 MAC DAN 3 APRIL 2017**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS))
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUALITI : POST-
MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI SEMENYIH”**

KERTAS BILANGAN 3/2017

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI SEMENYIH” MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 27-31 MAC 2017 DAN 3 APRIL 2017.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKNN
Kertas Mesyuarat Bilangan 3/2017	PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI SEMENYIH”	<p>6.1 Kerajaan Negeri hendaklah membuat keputusan sama ada Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun LUAS yang akan bertanggungjawab memeriksa kilang berlesen secara berkala bagi memastikan operasi kilang tersebut tidak mencemari alam sekitar.</p>	/	/	<p>Kerajaan Negeri tidak boleh buat keputusan memilih atau melantik agensi-agensi kerana terdapat Undang-undang dan Enakmen sediaada yang merangkumi tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan LUAS.</p> <p>Maklumbalas Majlis Perbandaran Kilang (MPKJ)</p> <p>MPKJ bersedia untuk memeriksa kilang yang berlesen/tidak berlesen secara berkala. Walauubahaimanapun MPKJ tidak mempunyai kepakaran untuk memastikan operasi kilang tersebut tidak mencemari alam sekitar.</p> <p>Maklumbalas Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS)</p> <p>Bilangan kilang yang dilesen di bawah Akta Kualiti Alam Sekelling 1974 (AKAS) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor adalah sebanyak 106 kilang sahaja iaitu 28 kilang kelapa sawit mentah, 1 kilang getah asli mentah dan 88 kilang pengolahan buangan terjadual di mana pematuhan ke atas syarat-syarat lesen di bawah AKAS bagi kilang-kilang tersebut dijalankan oleh JAS Negeri Selangor.</p> <p>Maklumbalas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)</p> <p>Pencemaran alam sekitar merupakan pencemaran yang berlaku sama ada di udara, air, tanah dan sebagainya. Peranan LUAS adalah khusus kepada pencemaran sumber air berdasarkan kepada kuasa-kuasa dan perianannya di dalam Enakmen LUAS 1999.</p> <p>Oleh sebab LUAS berperanan dalam mengawal selia sumber air, pemeriksaan ke atas kilang berlesen supaya tidak mencemari alam sekitar adalah terletak pada bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar melalui sumber perundangan mereka. Sebagai contoh, Jabatan Alam Sekitar mempunyai kuasa di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekilling (Effluen Perindustrian) 2009 bagi memeriksa dan membuat penyiasatan terhadap efluen industri yang dikeluarkan</p>

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS)
 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI
 SEMENYIH" MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG
 KETIGA BELAS PADA 27-31 MAC 2017 DAN 3 APRIL 2017.

BTI	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKSN
		Pada masa kini, LUAS sentiasa bekerja sama dengan Jabatan Alam Sekitar sekitar berlaku apa-apa pencemaran kepada sumber air yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti kilang berlesen dengan melaporkan setiap insiden kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan mereka.			dari pada aktiviti-aktiviti kilang perindustrian.
6.2	Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuaasa Tempatan hendaklah memastikan hanya kilang yang mempunyai kebenaran sahaja dapat menyalurkan pembuangan cecair ke dalam sistem perpanian yang mempunyai catchment pembuangan cecair. Kilang-kilang lain yang tidak mempunyai kebenaran hendaklah menyalurkan pembuangan cecair ke dalam IWK.		/		<p>Maklumbalas Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)</p> <p>MPKJ telah mensyaratkan pembuangan sisia berjagal bagi kategori kilang perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu semasa permohonan lesen.</p> <p>Maklumbalas Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS)</p> <p>Bagi pelepasan effluent kilang yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekelling (Efluen Perindustrian) 2009, pihak kilang adalah dikehendaki supaya membina sistem pengolahan effluent di premis masing-masing untuk memastikan effluent yang dilepaskan ke dalam mana-mana perairan dapat mematuhi standard yang ditetapkan dan kilang tidak dibenarkan menyalurkan pembuangan effluent ke dalam sistem rawatan IWK.</p> <p>Kawalan pencemaran daripada aktiviti perindustrian ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekelling (Efluen Perindustrian) 2009.</p>
6.3	Kerajaan Negeri hendaklah menggatalkan LRA-LRA supaya dilengkapi dengan kolam-kolam simpanan air mentah (off river storage) yang mempunyai kapasiti simpanan air mentah antara 3-7		/		<p>Maklumbalas Majlis Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.</p> <p>LRA-LRA yang dilengkapi dengan kolam simpanan air mentah (off river storage) seperti LRA Sg Labu di Sepang</p>

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI
SEMENYIH" MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG
KETIGA BELAS PADA 27-31 MAC 2017 DAN 3 APRIL 2017.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKNN
		hari.			<p>telah membuktikan daya tahan (resiliency) untuk menghadapi kemungkinan gangguan bekalan air mentah akibat pencemaran di muka sauk LRA tersebut. Langkah yang sama juga telah diambil untuk pembinaan LRA baru iaitu LRA Semenyih II dan LRA Labuhan Dagang yang masing-masing dilengkapkan dengan kolam simpanan air mentah.</p> <p>Bagi LRA Semenyih, konsep penggunaan kolam simpanan air mentah dari kolam-kolam yang terdapat di Putrajaya semasa tempoh kejadian pencemaran air (1 – 3 hari) telah diambil perhatian dan sedang diusahakan oleh pihak KeTTHA.</p> <p>Maklumbalas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Segala tindakan mengenai kolam-kolam simpanan air mentah bagi LRA-LRA sedang dalam peringkat inventori. Bagi tahun 2017, LUAS sedang melaksanakan inventori bagi kolam-kolam yang terdapat di Lembangan Sungai Langat. Antaranya kolam Bukit Jenuk. Kajian feasibility bagi kolam ini akan dilaksanakan pada tahun 2018.</p> <p>Selain itu, antara kolam yang telah digunakan pakai sebagai alternatif kepada LRA adalah Kolam Orang Asli Bukit Tampoi. Kolam ini sebagai medium penstoran sekiranya berlaku peningkatan Ammoniakal Nitrogen di Sungai Langat.</p>
6.4	Kerajaan Negeri hendaklah menentukan berapa banyak kilang-kilang berlesen yang perlu ditutup setelah menerima tiga kompaun disebabkan tidak mematuhi syarat alam sekitar. Kerajaan Negeri juga hendaklah membuat keputusan sama ada Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun LUAS yang akan menguatkuasakan syarat alam sekitar.		/		<p>Maklumbalas Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) MPKJ bersedia untuk membantu Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan syaratnya.</p> <p>Maklumbalas Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) Di bawah Akta Kualiti Alam Sekelling 1974 (AKAS), Jabatan Alam Sekitar boleh mengenakan tindakan Perintah Larangan beroperasi atau sitaan dan mengambil tindakan mahkamah</p>

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI
SEMENYIH" MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG
KETIGA BELAS PADA 27-31 MAC 2017 DAN 3 APRIL 2017.

Bil	Tajuk Pernyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKDN
		ke atas kilang yang dilesen di bawah AKAS dan tidak perlu mengeluarkan tiga kompaun terlebih dahulu sekiranya berlaku insiden pencemaran yang serius di mana pihak kilang dikehendaki mengambil penambahbaikan sebelum dibenarkan beroperasi.			Keputusan untuk menutup kilang-kilang yang berkenaan adalah jelas di bawah bidangkuasa pihak PBT melalui pembentahan lesen.
6.5	Kerajaan Negeri hendaklah menghentikan catuan air berdasarkan Konsep Pemulihan Berjadual yakni pembekalan air adalah berdasarkan pengagihan 2 hari ada air dan 2 hari tiada air dibekalkan. Proses pemulihan air hendaklah diuruskan supaya kawasan kritis menerima bekalan air terdahulu.		/		<p>Maklumbalas Majlis Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. Konsep Pemulihan Berjadual yang diperkenalkan telah membuktikan bahawa pemulihan bekalan air terawat 'Recovery Period' adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan tidak menggunakan konsep Pemulihan Berjadual. Konsep ini hanya digunakan apabila terdapat pengurangan 'shortfall' pengeluaran air yang besar yang akan memberi impak kepada kawasan bekalan yang luas.</p> <p>Walau bagaimanapun Air Selangor berusaha untuk mengasinkan kawasan-kawasan kritis seperti hospital, penjara, pusat dialisis dari tersenarai di dalam Pemulihan Berjadual sekiranya boleh dilaksanakan. Sekiranya pengasingan kawasan kritis ini tidak dapat dilaksanakan, Air Selangor akan menyediakan bantuan lori tangki ke premis kritis tersebut.</p> <p>Berpandukan pemulihan bekalan yang lebih cepat menerusi Pemulihan Berjadual ini, pihak SPAN telah bersetuju untuk menggunakanapakai cara tersebut dalam proses pemulihan bekalan berskala besar sekiranya bertemu dimasa hadapan.</p>


ELIZABETH WONG
AHU MAHSISWA STAF KENAJAHAN SELANGOR
PENGURUS JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN ALAM SEKTAR
TEKNOLOGI HULIAU DAN HAL EHWAL PENGGUNA